

merupakan penghapus dosanya.¹⁵⁵ Dan sesiapa yang melanggarnya, lalu Allah menutupinya, maka urusannya (di akhirat kelak) terserah kepada Allah.¹⁵⁶ Mungkin ia

menterjemahkannya dengan “dijamin oleh Allah”. Maksudnya ialah Allah berjanji untuk memberikan pahala kepadanya. Oleh kerana Allah tidak pernah memungkiri janjiNya, sebagaimana ditegaskan di dalam firmanNya ini:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janjiNya. (Aali ‘Imraan:9), maka dapatlah disimpulkan bahawa Allah memberi jaminan untuk memberi pahala kepadanya.

¹⁵⁴ Sama ada dengan hukuman had atau ta’zir. Para ‘ulama’ berbeda pendapat sama ada hukuman itu merangkumi hukuman yang ditetapkan oleh syara’ dan balasan-balasan lain yang diberi Tuhan seperti ditimpa musibah, mendapat penyakit dan lain-lain lagi atau ia khusus dengan hukuman yang ditetapkan oleh syara’ sahaja? Ada yang mengatakan ia merangkumi kedua-duanya sekali seperti apa yang tersebut di dalam hadits ini: “لا يصيب المسلم ‘تصب ولا هم ولا حزن حتى الشوكة يشاكها الرجل إلا كفر الله بها من خطاياها” Bermaksud: Orang Islam tidak mengalami kepenatan, kesedihan atau dukacita sehingga kalau dia terkena duri sekalipun melainkan dosa-dosanya dikaffarahkan oleh Allah dengan sebabnya.” (Bukhari, Muslim, Ahmad, Malik, Tirmizi dan lain-lain). Tetapi ada pula yang mengatakan tidak dan ia hanya merujuk kepada hukuman yang ditetapkan oleh syara’ berdasarkan hadits Khuzaimah bin Tsabit yang dikemukakan oleh Ahmad dengan sanad yang hasan: “من أصاب ذنباً أقيم عليه حد ذلك ‘الذنب فهو كفارته’” Bermaksud: “Sesiapa yang telah melakukan suatu jenayah dan kemudian ia telah dikenakan hukuman had kerana jenayah yang dilakukannya itu maka ia menjadi penghapus dosanya.” (Ahmad, ad-Daarimi, ad-Daaraquthni, at-Thabaraani, al-Baihaqi, ad-Dhiyaa’, Abu Nu’aim dan lain-lain). Jelas disebutkan di dalam hadits ini bahawa hukuman yang dimaksudkan adalah hukuman had, bukan dalam bentuk musibah dan bencana yang lain. Hafiz Ibnu Hajar berkata: “Boleh jadi maksudnya di sini ialah musibah itu boleh menjadi penghapus dosa kepada perbuatan-perbuatan yang tidak termasuk di bawah kategori jenayah yang boleh dikenakan hukuman had kerananya.”

¹⁵⁵ Dosa perbuatannya itu akan terhapus dan dia tidak lagi akan diseksa kerananya di akhirat kelak. Imam an-Nawawi berkata: “Hadits ini adalah hadits umum makhsus. Maksudnya ialah ayat berikut terkecuali daripada erti umumnya itu. Allah berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barangsiapa yang mempersekutukan Allah, Maka sungguh ia telah berbuat dosa yang besar. (an-Nisaa’: 48). Ini kerana orang murtad kalau dibunuh kerana kemurtadannya, pembunuhannya tidak menjadi penghapus dosanya.” Apa yang dapat difahami daripada zahir hadits ini ialah pelaksanaan hukuman had ke atas seseorang itu dapat menghapuskan dosanya meskipun dia tidak bertaubat. Inilah pendapat jumhur ‘ulama’. Namun ada juga ‘ulama’ yang berpendapat bahawa dia mesti bertaubat. Ini adalah pendapat sebahagian tabi’in, golongan mu’tazilah dan Ibnu Hazam. Dari kalangan ahli tafsir, al-Baghawi dan beberapa orang lagi turut berpendapat sedemikian. Pendapat yang pertama itu adalah pendapat Mujaahid, Zaid bin Aslam, ats-Tsauri dan Imam Ahmad. Ibnu Jarir bersetuju dengan pendapat ini dan dia menganggap terlalu lemah pendapat yang sebaliknya. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Bari berkata: “Al-

Baghawi dan orang-orang yang sependapat dengannya berhujjah bahawa orang-orang yang sempat bertaubat terampun dosanya berdasarkan firman Allah s.w.t. ini:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Bermaksud: kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, (mereka terlepas dari hukuman itu); Maka ketahuilah, bahawasanya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. (al-Maa'idah: 34). Jawapannya ialah ayat ini merujuk kepada balasan di dunia. Kerana itulah Allah s.w.t. mengaitkan ayat ini dengan kataNya: sebelum kamu dapat menangkapnya."

Perkataan *Kaffarah* berasal daripada perkataan كفر yang bererti tutup, tutupan, timbus dan sebagainya telah dikupas dengan pelbagai maksud dan pendapat oleh para ulama. Ia antara lainnya dikatakan bererti: (1) Penutup bagi dosa yang dilakukannya di dunia ini, dengan erti Allah s.w.t. mengampunkan dosa pelakunya dan dia tidak akan diseksa lagi atas kesalahan berkenaan di Akhirat kelak. (2) Penutup kesalahannya di dunia, dengan erti masyarakat tidak boleh lagi mengungkit, mengejek atau menyebarkan cerita tentang kesalahan yang telah dijalani hukuman olehnya.

Bagi Imam Abu Hanifah, *Kaffarah* itu sendiri tidak melepaskan seseorang itu daripada menerima balasan kesalahannya di Akhirat walaupun dia telah menjalani hukumannya di dunia. Sebaliknya menurut beliau, perkara yang boleh melepaskan seseorang pelaku dosa besar daripada menerima pembalasan terhadap dosanya di Akhirat kelak adalah Taubat. Jika seseorang pelaku dosa besar telah menjalani hukuman di dunia, tetapi dia tidak pernah menyesal dengan perbuatannya itu, malah mungkin akan mengulangnya lagi bila berpeluang berbuat demikian, orang seperti itu tetap akan menerima hukumannya di Akhirat kelak. Dan hukuman yang wajib dijalankan oleh pemerintahan Islam di dunia ini hanyalah sekadar untuk menimbulkan perasaan gerun kepada masyarakat yang menyaksikannya daripada melakukan kesalahan yang sama.

Walau bagaimanapun bagi Imam as-Syafi'e dan para 'ulama'' yang bersependapat dengan beliau, berdasarkan hadits 'Ubaadah ini hukuman dikenakan di dunia ini akan menghapuskan dosanya dan mengangkat seksaan yang sepatutnya diterima oleh seseorang pesalah di Akhirat kelak. Kerana hukuman itu sendiri sudah termasuk dalam bentuk dan maksud Taubat. Kerana menurut beliau, jika pesalah masih menerima hukuman di Akhirat, jadi apakah maksud *Kaffarah* yang dijamin oleh Allah s.w.t. di dalam hadits ini? Lebih-lebih lagi terdapat kisah-kisah para sahabat yang bersungguh-sungguh mendesak Nabi s.a.w. agar menjalankan hukuman rejam ke atas diri mereka kerana telah melakukan zina. Ini kerana mungkin menurut sahabat tersebut mereka tidak akan terlepas daripada menerima seksaan di Akhirat kelak jika tidak menjalani hukuman di dunia ini.

Menurut Imam Abu Hanifah dan orang-orang yang sependapat dengannya, sahabat tersebut ialah Maa'iz al-Aslami dan seorang perempuan al-Ghamidiyyah sebenarnya telahpun bertaubat sebelum mereka menyerahkan diri mereka ke muka pengadilan. Baginda sendiri bahkan mengatakan, andaikata taubatnya dibahagikan kepada seluruh penduduk Madinah, niscaya ia masih mencukupi untuk Allah s.w.t. mengampunkan dosa semua mereka. Firman Allah yang berkaitan dengan hukuman potong tangan bagi pencuri juga disusuli dengan perbuatan bertaubat dan insaf sebelum diampunkan oleh Allah s.w.t. Lihat bagaimana Allah berfirman tentangnya:

dimaafkan atau mungkin juga ia diseksa".¹⁵⁷ Kami terus berbai'ah kepada Baginda atas perkara-perkara tersebut."

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءُ بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾ فَمَنْ تَابَ مِن بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya sebagai pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (38)

Maka sesiapa bertaubat (di antara pencuri-pencuri itu) sesudah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, sesungguhnya Allah menerima taubatnya; kerana Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (39) (al-Maa'idah;38-39).

¹⁵⁶ Ya'ni urusan dan hukumannya berupa kema'afan atau balasan itu terserah kepada Allah s.w.t. Kerana tidak wajib (mesti) atas Allah menyeksa orang yang derhaka kepadaNya sebagaimana tidak wajib (mesti) juga atas Allah memberi ganjaran kepada orang yang ta'at kepadaNya mengikut pendapat yang benar. Rangkaian kata ini menolak da'waan golongan Khawarij yang menghukum kafir orang-orang yang berbuat dosa dan golongan Mu'tazilah yang menganggap mesti dihukum orang fasiq yang mati tanpa bertaubat, kerana Nabi s.a.w. telahpun menegaskan bahawa ia terpulang kepada مشيئة atau kehendak Allah. Baginda s.a.w. tidak bersabda, dia mesti akan diseksa Allah.

Apabila kesalahan seseorang melibatkan dosa-dosa besar yang wajib dijalankan hukuman ke atasnya tidak diketahui umum, maka tidaklah menjadi kesalahan kepadanya untuk tidak mendedehkannya kepada pihak berkuasa demi menjalani hukuman itu, jika dia merasakan tidak mampu dan sanggup menanggung hukumannya. Walaupun dia berada di dalam sebuah Negara Islam yang telah menguatkuasakan hukum jenayah Islam. Sekiranya dia telah insaf dan bertaubat untuk tidak mengulanginya lagi, Allah s.w.t. mungkin akan menerima taubatnya dan menghapuskan dosa-dosanya. Banyak sekali kisah-kisah yang menunjukkan bahawa keampunan Allah s.w.t. itu sangat luas kepada hamba-hambanya yang bertaubat dan melakukan kebaikan. Perhatikan saja kisah seorang perempuan pelacur yang telah diampunkan oleh Allah s.w.t. segala dosa dan kema'shiatannya, hanya kerana dia telah membantu seekor anjing yang kehausan dengan memberikan beberapa teguk air kepada makhluk Allah s.w.t. yang tentunya tidak semulia manusia. Tetapi kerana rahmatNya yang tidak bertepi, hanya dengan sedikit susah payah menuruni telaga untuk menceduk sedikit air di dalam kasutnya bagi menghilangkan dahaga anjing tersebut, perempuan pelacur itu telah dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah s.w.t. Yang Maha Pengampun.

¹⁵⁷ Sama ada orang berkenaan bertaubat atau tidak. Itulah pendapat satu golongan 'ulama'. Menurut jumhur 'ulama', orang yang bertaubat mungkin tidak akan diseksa lagi. Walau bagaimanapun itu bukanlah suatu yang pasti. Kerana manusia tidak mengetahui sama ada taubatnya diterima atau tidak. Sesetengah 'ulama' membezakan di antara dosa yang menyebabkan seseorang wajib dikenakan had dan dosa yang tidak menyebabkan ia wajib dikenakan had. Kebanyakan 'ulama', termasuk golongan Syafi'iyah berpendapat hukuman hudud boleh menghapuskan dosa seseorang atau menutupnya. Mereka berdalil dengan hadits 'Ubaadah yang sedang kita bicarakan ini. Ia memang jelas menunjukkan begitu. Ia juga disokong oleh riwayat sekian ramai sahabat, termasuk 'Ali bin Abi Thalib, Abu Tamimah, Khuzaimah bin Tsabit dan Ibnu 'Umar. Hadits 'Ali dikemukakan oleh Ahmad, Tirmizi dan